



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

23 JULAI 2019 (SELASA)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

23 JULAI 2019 (SELASA)

Hentikan penjualan vape, ghost smoke kepada murid – TPM

PUTRAJAYA 22 Julai - Penjualan vape dan gula-gula *ghost smoke* yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok dalam kalangan murid sekolah perlu dihentikan segera.

Menyifatkannya sebagai suatu penyakit sosial, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, kerajaan tidak mahu gejala itu menular dalam kalangan kanak-kanak.

Dalam masa sama, beliau menegaskan, golongan ibu bapa perlu memainkan peranan dengan meningkatkan kemahiran keibubapaan serta memantau anak-anak dengan lebih rapi agar tidak terjebak dengan gejala terbabit.

Menurutnya, beliau juga tidak menolak kemungkinan penggunaan vape serta *ghost smoke* dalam kalangan murid sekolah boleh menjadi permulaan kepada dadah.

"Kita mahu benda ini dihentikan, bukan sahaja (menerusi tindakan) pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tetapi

juga keibubapaan.

"Sebagai ibu bapa, kita menekankan elemen keibubapaan merangkumi kemahiran, tanggungjawab dan juga bagaimana mendidik anak-anak. Kita juga lihat pemantauan anak kita mesti dipertingkatkan dan ditekankan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Wacana Ilmu Sri Satria di sini hari ini.

Laporan khas *Mingguan Malaysia* semalam mendedahkan gejala menghisap vape dalam kalangan pelajar kian serius malah seperti tidak terkawal berikutan trend membimbangkan itu sudah melarat ke peringkat sekolah rendah.

Pelajar dilaporkan bukan sahaja berani menghisap vape di kawasan awam atau khailayak ramai tetapi juga membawa alat itu ke sekolah.

Kelmarin pula, media melaporkan kebimbangan ibu bapa berhubung penjualan gula-gula *ghost smoke* secara berleluasa di daerah Papar dan Kota Kinabalu, Sabah yang dibeli pelajar sekolah.

KPDNHEP bentuk kerjasama jawatankuasa khas

KUALA LUMPUR 22 Julai - Berikutan isu penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memandangkan serius mengenai perkara ini dan akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan beberapa agensi kerajaan lain untuk mengambil langkah pencegahan dan kawalan.

Menurut Bahagian Standard Kepenggunaan kementerian itu, KPDNHEP akan terus memperingkatkan kerjasama dengan agensi terlibat seperti KKM, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia melalui jawatankuasa khas bagi menangani gejala penggunaan rokok elektronik dalam kalangan juvana.

"Manakala bagi isu gula-gula berasap (*smoke candy* atau *ghost candy*) pula, didapati produk tersebut adalah merupakan produk makanan dan tidak termasuk di bawah kategori rokok elektronik.

"KPDNHEP akan bekerjasama

dengan KKM bagi memastikan aktiviti penjualan produk ini mematuhi peraturan sedia ada," kata kenyataan itu di sini hari ini.

KPDNHEP mengulas laporan *Mingguan Malaysia* semalam dalam siri laporan khas mengenai penyalahgunaan vape dalam kalangan pelajar sekolah.

Laporan berita itu memetik penyalahgunaan vape ini semakin membabitkan kelompok pelajar sehingga di peringkat sekolah rendah.

Tambah kenyataan itu, berdasarkan semakan KPDNHEP, penjualan rokok elektronik di platform dalam talian seperti Lazada dan Shopee mendapati telah ditetapkan penjualan kepada pengguna berumur 18 tahun ke atas sahaja.

Kata bahagian kementerian itu lagi, pihaknya akan bertindak berdasarkan bidang kuasa sedia ada melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual borong) 1980.

Jelasnya, setiap produk ter-

sedia bungkus yang dijual di pasaran mestilah mematuhi penandaan butiran-butiran seperti diperuntukkan di bawah perintah tersebut.

Selain itu, kata kenyataan berkenaan, bagi tujuan mengawal aktiviti yang melibatkan rokok elektronik tanpa nikotin, Garis Panduan Aktiviti Pengeluaran, Pengedaran dan Peruncitan Peranti Serta Cecair Rokok Elektronik Tanpa Nikotin telah pun dikeluarkan berkuatkuasa mulai 1 April 2018.

Sehubungan itu, menurut kenyataan berkenaan, garis panduan berkenaan bertujuan memberikan panduan kepada pihak industri (pengeluar, pengedar dan peruncit) dalam mematuhi perundangan yang bakal dikeluarkan nanti dan pada masa yang sama mereka.

"KPDNHEP dan Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama dalam Jawatankuasa Framework Convention on Tobacco Control (FCTC) yang dipengerusikan oleh Menteri Kesihatan termasuklah membangunkan rang undang-undang (RUU) baru bagi mengawal aktiviti hasil tembakau dan merokok termasuklah rokok elektronik," kata kenyataan berkenaan.



TPM gesa henti jualan gula-gula 'Ghost Smoke'

Ibu bapa diminta tingkat pemantauan elak masalah jadi penyakit dalam masyarakat

Oleh Wan Faizal Ismayatim
wfaizal@bh.com.my

Putrajaya: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mahu penjualan gula-gula *Ghost Smoke* yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut dihentikan segera.

Menurut laporan *BERNAMA*, Dr Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, turut meminta ibu bapa meningkatkan pemantauan ke atas anak masing-masing.

"Saya tidak mahu perkara ini menjadi penyakit masyarakat yang menular dalam kalangan kanak-kanak sejak kecil lagi," katanya ketika diminta mengulas mengenai *Ghost Smoke* selepas majlis Siri Wacana Sri Satria di sini, semalam.

Baru-baru ini, media melaporkan mengenai kebimbangan ibu bapa berhubung penjualan gula-gula berkenaan yang mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut.

Dr Wan Azizah tidak menolak kemungkinan gula-gula itu boleh menjadi permulaan kepada ma-



Dr Wan Azizah beramah mesra dengan tetamu pada majlis Siri Wacana Sri Satria di Putrajaya, semalam.

(Foto Ahmad Ibrahim Mohd Noor/BH)

salah penagihan dadah.

"Dulu *smoking* (merokok). Kemudian dadah dan syabu," katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, mengarahkan penguat kuasa kementerian turun padang bagi memeriksa dan memantau penjualan gula-gula itu yang dilaporkan dijual secara terbuka kepada murid sekolah.

Katanya, tindakan tegas akan dikenakan terhadap pihak yang menjual produk itu jika didapati melanggar peraturan mengikut bidang kuasa kementeriannya, seterusnya mengekang penjualannya.

Beliau berkata, kementeriannya akan memeriksa dari mana produk gula-gula *Ghost Smoke* di-

Saya tidak menolak kemungkinan gula-gula itu boleh menjadi permulaan kepada masalah penagihan dadah.

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri

hasilkan dan sama ada ia mematuhi Perintah Kawalan Harga (Pelabelan oleh Pengilang, Pengimport, Pengeluar atau Penjual Borong) 1980 sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.

"Setiap produk tersedia bungkus di pasaran perlu patuhi penandaan butiran seperti diperun-

tukkan mengikut perintah itu.

"Bahagian Penguatkuasaan (KPDNHEP) kena tingkatkan keupayaan (pemeriksaan), ini produk yang baru timbul dan menjadi kegemaran anak.

"Selepas tinjauan penguatkuasaan, pihak penguat kuasa perlu segera memberi laporan balas, kita nak tahu produk ini datang dari mana dan adakah patuh Perintah Kawalan Harga sebelum mengambil tindakan susulan," katanya selepas mempongserusikan Mesyuarat Majlis Perundingan Penaja dan Peniaga Kecil di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Saifuddin Nasution berkata, pihaknya akan mengenal pasti sama ada gula-gula itu dijual berleluasa di seluruh negara atau hanya ada di kawasan tertentu, misalnya di Lembah Klang dan beberapa daerah lain.

KPDNHEP gempur pengedar, penjual gula-gula Ghost Candy

PUTRAJAYA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengambil tindakan mengikut Perintah Kawalan Harga (Pelabelan Oleh Pekilang, Pengimport, Pengeluar dan Penjual Borong) 1980 terhadap penjual serta pengedar yang menjual gula-gula Ghost Candy atau Smoke Candy yang mengeluarkan asap seperti menghisap rokok.

Perintah itu menetapkan denda mengikut Seksyen 57 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 iaitu denda maksimum RM100,000 bagi pertubuhan perbadanan dan tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya bagi orang perseorangan jika sabit kesalahan.

Menterinya, Datuk Saifud-

Gula-gula keluar asap mendorong kanak-kanak merokok pada usia muda **Haramkan jualan Ghost Candy**



KERATAN *Kosmo!* semalam.

din Nasution Ismail berkata, pihak kementerian akan melakukan penguatkuasaan setiap produk dijual yang dibungkus untuk mengesan pembekal sebelum tindakan susulan dijalankan mengikut undang-undang itu.

Jelasnya, melalui penguatkuasaan, pihaknya dapat melihat sama ada produk itu mematuhi pelabelan, komponen dan bahan-bahan yang digunakan untuk menghasilkan gula-gula tersebut.

"Produk ini mesti dijual di kedai. Jadi, kami akan melihat semula kaedah produk itu dibungkus, malah dalam undang-undang sudah termaktub bahawa setiap produk

yang dijual secara terdedia bungkus mesti mematuhi penandaan butiran-butiran bagi tujuan pelabelan agar pembeli tahu kandungannya.

"Buat masa ini, biar pegawai-pegawai KPDNHEP menjalankan

tinjauan penguatkuasaan dan saya tidak ragu dengan keupayaan mereka untuk memberikan laporan balas dengan segera bagi menentukan langkah seterusnya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) di sini semalam.

Akhbar *Kosmo!* semalam melaporkan, Pengerusi Yayasan Keprihatinan Komuniti Malaysia, Halim Ishak menggesa kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap pengeluar termasuk mengharamkan penjualan gula-gula tersebut.

**KPDNHEP
belum terima
laporan
Ghost Smoke**

Kepeng: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) belum menerima laporan hasil tinjauan berkaitan penjualan gula-gula *Ghost Smoke* yang dilaporkan digunakan murid Sekolah Kebangsaan Pekan Papar, Sabah. Menteriya Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya segera bertindak sebaik isu terbabit timbul selaras kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sebelum ini yang memberitahu siasatan membabitkan kerjasama kedua-dua kementerian.